

# Dari Sebulan ke Sebulan

Dahulu, tatkala Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu memberi jasa baiknya mendamaikan Belanda dengan Indonesia mengenai soal Irian Barat akhbar-akhbar Indonesia telah mencabar dan membidas sehingga Tunku telah menyatakan bahawa beliau tidak mau lagi menjalankan usaha itu. Padahal sebelum itu “orang besar” Indonesia telah pun menganjurkan dan menggalakkan Tunku dalam usaha ini.



*Muhammad bin Haji Ahmad, penuntut Madrasah al-Mashoor yang telah berjaya dalam Peraduan Syarahan Bulan Bahasa, bahagian Timur Laut Pulau Pinang baharu-baharu ini.*

Apabila perkara itu reda Tunku sekali lagi menjalankan usahanya tetapi kali ini, Tunku dapat pula kritik pedas dari Indonesia. Apakah terima kasih yang didapat oleh Tunku dalam perkara ini? Kalau tidak ada jangan campur Tunku lebih baik! Pemimpin-pemimpin yang memegang tampuk pemerintahan di Indonesia sekali dimaklumi sahalalah! Sebab itu jangalah kita hidung tak mancung pipi tersorong-sorong.

\* \* \*

Jawatan *Chief* Kadi Singapura telah dihapuskan tempatnya telah digantikan oleh seorang kadi yang lain yang berasal dari luar Singapura. Khabarnya orang ini berkelulusan al-Azhar! Orang Islam di Singapura terpaksa dan tertanya-tanya mengapakah jawatan itu tidak diisi dari orang-orang Singapura sendiri. Apakah orang-orang Singapura tidak ada yang berkelayakan – *Wallāhu A‘alam* – kata setengah mereka.

\* \* \*

Tuan Syed Isa al-Munawar, Setiausaha UMNO Singapura tatkala menyambut seruan Setiausaha Agung UMNO Malaya menyatakan bahawa beliau tidak mau adanya orang-orang yang hanya masuk UMNO semata-mata bertujuan menjadikan parti itu batu loncaan mereka. Ini betul Habib tetapi kerana ada khabarnya “pemimpin-pemimpin” UMNO Singapura itu bersifat “munji kakak<sup>1</sup>”. Asalkan diampu dan mengampu

<sup>1</sup> Tidak dapat dipastikan

untuk dapat maslahat diri dan faedah diri walaupun  
datangnya dari “parti lawan” – tidak mengapa bahkan agama  
terjual pun untuk mengampu tidak apa. Beginilah  
Habib Isa orang-orang yang mesti disingkir bukannya  
sahaja dari UMNO tetapi kalau boleh dari seluruh  
masyarakat.

\* \* \*

Mengapa murid-murid Melayu di Persekutuan Tanah Melayu  
sangat mundur di dalam pelajarannya – ialah soal yang besar  
yang dihadapi oleh kerajaan Perikatan sekarang – dan  
suatu jawatankuasa mengkaji sebab-sebabnya telah diadakan. Ada  
orang mengatakan bahawa sebab-sebab yang utama:

1. Jiwa anak-anak kita Melayu telah tertanam perasaan  
semangat gemar kepada permainan – menjadikan ia  
liat belajar.
2. Kemampuan ibu bapa untuk mengadakan buku-buku  
dan memberi pelajaran di luar masa sekolah  
tidak cukup.
3. Buku-buku kurang – cara memilih buku untuk  
sekolah-sekolah tidak disusun sebegitu rupa.
4. Guru-guru yang mengajar, terutamanya di sekolah-sekolah  
Melayu, tidak menumpukan perhatiannya kepada  
ikhtiar memajukan murid-murid di sekolah, seperti  
yang dibuat oleh guru-guru bangsa asing di dalam  
sekolahnya.

Walhasil, kalau disusun banyak sebabnya. Guru-guru

dan seluruh bangsa Melayu wajib memerhatikan hal ini.

Dengan adanya perlembagaan sekarang – orang-orang yang berpengetahuan  
sahaja yang bakal duduk di pemerintahan, walau daripada bangsa

apa pun, maka ertinya kalau orang-orang kita Melayu tidak  
maju pelajarannya ia kelak akan terletak di bawah perintah bukan  
memerintah di dalam negerinya.

**Bacalah!**

**Sudah Terbit!**

**Buku-buku Syuhada**

**Disusun oleh:**

**Edrus**

- |  |               |
|--|---------------|
| 1. <b>Ḥamzah bin Abdul Muṭṭalib</b>        | <b>50 sen</b> |
| 2. <b>Nusaybah – Pahlawan Wanita Islam</b> | <b>50 ”</b>   |
| 3. <b>‘Ikramah bin Abū Jahal</b>           | <b>50 ”</b>   |
| 4. <b>Sa‘ad bin Rabī‘</b>                  | <b>50 ”</b>   |
| 5. <b>Sa‘ad bin Mu‘adh</b>                 | <b>50 ”</b>   |
| 6. <b>Nu‘mān bin Muqrin</b>                | <b>50 ”</b>   |
| 7. <b>Ja‘afar bin Abī Ṭalib</b>            | <b>50 ”</b>   |
| 8. <b>Anak Abdullah bin Ubayy</b>          | <b>50 ”</b>   |
| 9. <b>Anak angkat Rasulullah</b>           | <b>50 ”</b>   |
| 10. <b>Abū Ḥudhayfah bin ‘Utbah</b>        | <b>50 ”</b>   |

**Lain-lain buku *tārikh***

- |  |               |
|--|---------------|
| <b>Sejarah Ringkas Muhammad (S.A.W) (Oleh Edrus)</b>         | <b>\$1.20</b> |
| <b>Bilāl – (Oleh Abdullah Basmeh)</b>                        | <b>\$1.20</b> |
| <b>Muhammad (S.A.W) (Oleh Abdullah Basmeh) Empat penggal</b> |               |
| <b>Sepenggal</b>   | <b>\$1.20</b> |

*Di-terbitkan Oleh:*

*QALAM*

*356/358, Geylang Road,*

*SINGAPORE 14.*